

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

HST 423 - Pemerintahan Tentera dan Politik di Asia Tenggara

Tarikh: 14 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.
(3 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan.

1. Sejak 1945 lebih dari 75% negara-negara Amerika Latin, Asia, Afrika dan Timur Tengah telah mengalami berbagai-bagai jenis campurtangan tentera dalam hal ehwal politik mereka. Pada amnya apakah tujuan dan maksud rampasan kuasa tentera dan mengapa fenomena itu berlaku?
2. "Apa yang berlaku di Thailand pada tahun 1932 bukanlah suatu letupan dari bawah tetapi hanyalah satu pelarasan semula dalam kuasa politik".

(Eliott)

Bincangkan.

3. "Di pusat dilema politik Thai moden ialah ke arah mencari suatu sistem politik yang berkesan lagi stabil. Krisis kepimpinan politik menjadi terlalu ketara oleh sebab keperibadian (personalism) adalah cara tindakan politik yang ditegaskan".

(Chai Anan Samudavanija)

Setujukah anda dengan kenyataan ini dalam konteks masa 1973-76.

4. Dengan kemerosotan demokrasi berparlimen pada tahun 1959 fokus kuasa politik di Indonesia beralih daripada kebesaran parti-parti politik kepada sistem Demokrasi Terpimpin (Guided Democracy). Mengapa demokrasi berparlimen gagal di Indonesia?

5. Masalah ketidak seimbangan di antara pihak Angkatan Tentera, Presiden, dan Parti Komunis Indonesia telah dihancurkan pada 30 September 1965 apabila angkatan tentera mengambil peranan yang penting di dalam politik dan pentadbiran negara. Mengapa berlaku GESTAPU dan apakah kesan-kesannya kepada negara?
6. Angkatan Tentera Burma mewarisi tiga tradisi yang agak berbeza iaitu angkatan tentera kolonial yang telah berkhidmat di bawah kuasa British; Tentera Kemerdekaan Burma (Burma Independence Army) dan penggantinya yang dipengaruhi oleh pihak Jepun; dan khidmat bumiputra yang telah dibentuk sejak kemerdekaan. Apakah sikap golongan-golongan tersebut tentang peranan tentera dalam aspek-aspek pengurusan awam negara?
7. Mengikuti Prof. Silverstein ketegangan-ketegangan yang telah merundung kesatuan nasional di Burma sejak kemerdekaan tidak diringankan atau dipulehkan oleh tindakan rampasan kuasa tentera pada tahun 1962. Bincangkan.

-ooo000ooo-